

# Wakaf Madani jaminan kemampuan ekonomi negara



Pensyarah  
Jabatan Syariah dan  
Undang-undang,  
Akademi Pengajian  
Islam, Universiti  
Malaya (UM)

Oleh Prof Madya Dr Siti Mashitoh  
Mahamood  
bhrencana@bh.com.my

Realiti perlu diterima hari ini, wakaf mendapat kepercayaan kerajaan untuk menjadi instrumen penting bagi membangunkan ummah dan negara.

Wakaf kini dimasukkan dalam Belanjaan 2023 apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan akan mewujudkan Wakaf Madani dengan aset bernilai RM1 bilion.

Aset itu terdiri daripada tanah, masjid, bangunan, kemudahan kesihatan serta pendidikan akan dioptimumkan bagi manfaat golongan fakir miskin, berpendapatan rendah dan golongan rentan lain.

Aspirasi kerajaan ini adalah supaya instrumen wakaf dapat menyumbang 20 peratus dalam pengembangan sektor kewangan sosial Islam menjelang 2030.

Wakaf Madani selaras konsep Malaysia MADANI bertujuan memartabatkan semula negara sebagai negara makmur dan dihormati, direalisasi menerusi perancangan serta strategi pemeraksanaan ekonomi mampan berteraskan nilai, etika atau akhlak.

Penstrukturan semula ekonomi akan dibuat berasaskan tiga keutamaan strategik iaitu membasmi kemiskinan, penstrukturan semula ekonomi dan memulih serta menjana ekonomi berteraskan konsep Malaysia MADANI.

Maka pelaksanaan Wakaf Madani wajar dimulakan atas pihak berkuasa yang sah menerusi rujukan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf mengikut undang-undang.

Pengurusan dibuat boleh memabatkan MAIN ataupun entiti spesifik lain, asalkan ia berlandaskan prinsip syariah, dasar dan undang-undang supaya Wakaf Madani berkredibiliti dan dapat diteruskan secara sah dengan menghasilkan pulangan mampan dan lestari.

Pembabitan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) selaku badan wakaf peringkat Persekutuan boleh dilibatkan atas keberhasilan produk wakaf di bawahnya sebelum ini dan sedang berjalan kini dengan kerjasama kementerian dan agensi kerajaan, bank, institusi korporat serta MAIN.

## Fokus bidang asas kemasyarakatan, negara

Fokus awal boleh diberi keutamaan adalah memperkukuhkan bidang asas kemasyarakatan dan negara berkaitan hal ehwal ibadat, kesihatan dan pendidikan, tanpa melupakan usahawan dan peneiaga sebagai pelaku utama pembangunan negara.

Pengukuhan ekonomi menerusi instrumen wakaf diharap dapat mewujudkan kitaran semula ekonomi positif menerusi cukai boleh dibayar, selain kutipan keagamaan dalam zakat dan infaq, termasuk potensi mereka melaksanakan wakaf pula.

Perancangan pembangunan dan produk wakaf dibentuk perlu dirangka dengan berkesan dapat menjana manfaat dan keuntungan berkeka-

lan selaras konsep wakaf.

Produk seperti wakaf tunai, saham wakaf, wakaf saham, wakaf musytarak, wakaf perkhidmatan dan kepakaran boleh disusun dengan pemakaian konsep asas dan lanjutan wakaf mengikut hukum syariah, dasar dan undang-undang negara.

Penggunaan konsep dan produk transaksi komersial Islam boleh disepadukan bagi memastikan pelaksanaan pembangunan wakaf dibuat dengan lebih berdaya maju dan direalisasikan menerusi pelbagai pendekatan menarik.

Pendekatan wakaf irsod, merujuk kepada pewakafan harta daripada pemerintah, badan atau organisasi tertentu, boleh digunakan kerajaan dalam penyediaan bajet untuk tujuan tertentu wakaf dalam memastikan manfaatnya dapat digunakan golongan sasar ditentukan.

Wakaf juga boleh disusun supaya dapat berperanan sebagai pendapatan kekal negara. Semua ini bertunjangan kedinamikan wakaf dan sifat pengekalannya yang boleh memberi manfaat kepada Malaysia.

Tidak mustahil, dalam memperkasakan wakaf negara, Malaysia mampu setanding dengan negara lain seperti Turki, Mesir, Arab Saudi, Kuwait dan Oman dalam bidang penghasilan negara berteraskan instrumen wakaf.

Mungkin suatu hari nanti, Malaysia mampu seiring dan sepadan dengan kejayaan dikecapi negara Barat menerusi penghasilan endowment yang bermiripkan wakaf dengan pendapatan dan manfaat tinggi saban tahun.